

Wawancara bersama Naib Canselor sempena sambutan Ulang Tahun ke-20 UMS

oleh: Leolerry Lajius

1. Sebagai seorang yang telah lama berkhidmat di UMS, apakah sejarah asal UMS dan kenapa UMS ditubuhkan?

Prof Datuk Dr. Mohd Harun berkata, beliau telah melihat perkembangan sejarah UMS iaitu dari bilangan pelajar dan tenaga pengajar yang sedikit dan keadaan infrastruktur yang kurang kini telah berubah. "Dahulu kita menumpang di Kolej Yayasan Sabah dan yang pejabatnya terletak di Gaya Centre pada masa itu manakala jabatan penempatan UMS pula terletak di kampus sementara, di Tuaran", ulasnya lebih lanjut. Oleh kerana tenaga pekerja yang terhad dan terpaksa 'multitasking', perkembangan UMS dari awal telah melalui banyak fasa dan cabarannya juga semakin banyak, katanya.

3. Bolehkah Prof Datuk Naib Canselor mengulas mengenai kedudukan UMS yang di tangga ke 9 antara universiti terbaik di Malaysia pada tahun 2013?

Beliau berkata bahawa UMS merupakan universiti yang ke Sembilan di Malaysia dan usaha perlulah diperbaikakan. Namun katanya lagi, dalam beberapa tahun ini UMS telah memperlihatkan petanda yang positif kerana sebelum ini UMS mempunyai penjanaan yang begitu sukar sekali. "Sebagai contoh, UMS Link, iaitu anak syarikat UMS telah mendapat keuntungan sebanyak 1.3 bilion dan walaupun sebegini banyak tetapi mendatangkan momentum dalam kita melakukan sesuatu penambahbaikan dalam anak syarikat" ujarnya lebih lanjut lagi.

"Kita harus jelas dalam membina pemikiran kita baik kepada staf tenaga akademik di Universiti Malaysia Sabah dan juga para pelajar", katanya. Selain itu, beliau menegaskan bahawa graduan yang dihasilkan haruslah mempunyai minda yang *relevant, innovative* dan *sustainable* (lestari). Mengulas lebih lanjut, beliau mengatakan bahawa bukan hanya pengurusan universiti yang terdapat dalam kontrak perbelanjaan urusan kewangan tetapi pelajar juga harus mempunyai minda yang kritis.

Katanya lagi, graduan yang dihasilkan bukan bersifat hanya memikirkan kelulusan untuk mendapatkan ijazah dan pekerjaan di jabatan kerajaan sahaja kerana baginya dengan bilangan jawatan yang terhad tidak mungkin kerajaan mampu

menyediakan jawatan yang begitu banyak kepada graduan.

"Kita juga ingin menghasilkan graduan yang bersifat *entrepreneurs* ataupun bersifat keusahawanan dan ini sangat ditekankan pada hari ini di mana-mana universiti di Malaysia", ujarnya lagi. Tegas beliau, para pelajar juga haruslah membuka minda dan bukan hanya berlandaskan kepada bekerja dengan orang lain sahaja. Perkara ini sangat penting dan begitu juga dalam konteks mengurus tadbir sesebuah universiti.

2. Prof Datuk NC apabila menerajui UMS, mengajak warga UMS menterjemahkan "inovatif, relevan dan lestari" ke dalam perbuatan. Apakah aspek dalam UMS yang perlu untuk melalui proses transformasi?

Beliau berkata bahawa UMS merupakan universiti yang ke Sembilan di Malaysia dan usaha perlulah diperbaikakan. Namun katanya lagi, dalam beberapa tahun ini UMS telah memperlihatkan petanda yang positif kerana sebelum ini UMS mempunyai penjanaan yang begitu sukar sekali. "Sebagai contoh, UMS Link, iaitu anak syarikat UMS telah mendapat keuntungan sebanyak 1.3 bilion dan walaupun sebegini banyak tetapi mendatangkan momentum dalam kita melakukan sesuatu penambahbaikan dalam anak syarikat" ujarnya lebih lanjut lagi.

"Saya ingin berkongsi sesuatu iaitu, tentang lawatan saya ke London pada minggu lepas dan bertemu dengan University of Walverhamphorne dan University of Royal dan berkesempatan bertemu dengan reactor dan Naib Canselor untuk berkongsi pandangan dan juga maklumat", ceritanya. Katanya, beliau bertanya kepada mereka tentang peratus dana yang mereka perolehi daripada kerajaan dan

MUKADIMAH

Sesi wawancara bersama Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) sempena dengan ulangtahun 20 tahun penubuhan UMS berlangsung di studio rakaman TV Sekolah Sains Sosial dengan dihadiri oleh Pelajar Sains Sosial. Sesi wawancara dikendalikan oleh Dekan Sekolah Sains Sosial Prof. Dato Mohd. Hamdan Hj. Adnan dan juga Timbalan Dekan En. Suzalie Mohamad.

Topik utama yang menjadi perbincangan ketika sesi wawancara lebih memfokuskan kepada pencapaian yang telah dicapai oleh UMS sepanjang 20 tahun penubuhan. Prof Datuk Dr. Mohd Harun banyak menyentuh mengenai proses transformasi UMS dalam aspek kemudahan atau pendidikan. Kini UMS sudah boleh berbangga dengan pencapaian yang telah dicapainya sehingga menjadi Universiti di tangga yang ke-9 dan ketika sesi wawancara diadakan sesi soal jawab juga turut dibuka kepada hadirin untuk bertanyakan soalan.

Dalam meniti arus transformasi, Prof Datuk Dr. Mohd Harun turut menyertai staf dan juga pelajar untuk sama-sama menggembungkan tenaga untuk memacu kecemerlangan UMS."Kita harus jelas dalam membina pemikiran kita baik kepada staf atau tenaga akademik di Universiti Malaysia Sabah dan juga para pelajar", katanya. Selain itu, beliau menegaskan bahawa graduan yang dihasilkan haruslah mempunyai minda yang *relevant, innovative* dan *sustainable* (lestari).

5. Prof Datuk NC apabila menerajui UMS mengajak warga UMS menterjemahkan "inovatif, relevan dan lestari" ke dalam perbuatan. Apakah aspek dalam UMS yang perlu untuk melalui proses transformasi?

mereka mengatakan mereka hanya mendapat 20% sahaja. Beliau amat terkejut kerana UMS mendapat dana daripada Kerajaan Pusat sebanyak 80%. Hal ini demikian kerana, mereka berusaha keras untuk menjana pendapatan dan bukan hanya menyulur ilmu pengetahuan tetapi juga adakalanya menerapkan sifat keusahawanan dan bekerjasama dengan universiti-universiti di luar negara.

"Hal inilah yang menyebabkan mereka sanggup datang ke Malaysia dan bekerjasama dengan kita untuk melihat *venture, explore* serta boleh mendapatkan keuntungan dan bukan hanya membawa imej mereka tetapi menjana pendapatan untuk universiti mereka juga", ujarnya.

4. Apakah kemajuan daripada segi pembelajaran dan pengajaran dalam meningkatkan kemajuan UMS bagi tempoh 20 tahun

bangsa di negeri Semenanjung dan juga Sarawak," katanya.

Selain itu katanya, pembelajaran pada masa kini tidak seperti 20 tahun yang lalu yang mana hanya terdapat 10 buah IPTA tetapi kini lebih daripada 20 IPTA ditubuhkan dan juga bilangan IPTS semakin bertambah dalam bersaing. Dengan bilangan pelajar yang semakin banyak, maka peruntukannya juga semakin terhad.

Mengulas lebih lanjut, pelajar juga hidup dalam dunia tanpa sempadan di dalam akademik kerana ia semakin kritikal terutamanya dalam sistem pembelajaran E-Learning yang menggunakan internet. Cabaran juga semakin berbeza berbanding 20 tahun yang lalu.

6. Prof Datuk NC apabila menerajui UMS mengajak warga UMS menterjemahkan "inovatif, relevan dan lestari" ke dalam perbuatan. Apakah aspek dalam UMS yang perlu untuk melalui proses transformasi?

"Saya melihat perkembangan 20 tahun dalam Universiti Malaysia Sabah ini, di mana suatu ketika dahulu, infra di dalam UMS begitu daif dan pejabatnya berada di Gaya Centre pada ketika itu," katanya. Setelah masuk 20 tahun penubuhan banyak fasa-fasa yang dihadapi serta cabarannya juga semakin meningkat. Pada awal penubuhan Universiti Malaysia Sabah, keadaannya agak berbeza dan hari ini, infranya bertambah baik.

"Awal penubuhannya, ialah memberi peluang pendidikan kepada rakyat Malaysia di Negeri Sabah khususnya. Pada awalnya, hanya terdapat UiTM dan beberapa institusi lain pada ketika itu dan bilangan ini tidak mencukupi bagi anak-anak Sabah yang ingin melanjutkan pelajaran mereka. Tambah beliau, universiti ini juga ditubuhkan untuk memberi peluang kepada anak-anak

telah keluar bekerja kelak bagi menjana pendapatan sendiri.

Katanya, Universiti Malaysia Sabah ini merupakan universiti yang ke-9 di Malaysia, dan usaha dalam menaikkan taraf universiti perlulah diperbaikakan. Dalam beberapa tahun ini, penjanaan UMS agak begitu curam. Namun, di dalam tahun 2013, UMS sudah menampakkan momentumnya. Sebagai contoh, "UMS LINK" iaitu anak syarikat UMS telah menjana pendapatan sebanyak 1.3 bilion bagi menampung segala aktiviti di dalam universiti walaupun bilangannya tidak begitu banyak.

Tambahnya lagi, UMS juga akan mendapatkan kerjasama bersama KK Hospital dan banyak lagi aktiviti-aktiviti yang lain seperti para pelajar juga ada membuat *Card Food Sell* dengan kehadiran SMK Intabuan, Antologi Sajak dan sebagainya.

8. Selain UMS Link, adalah ada lagi terdapat anak syarikat lain bagi UMS dan bagaimana anak syarikat itu dapat menambah pendapatan bagi UMS, dan sebagai pelajar, apakah peranan kami turut menyumbang dalam menjana pendapatan UMS?

Prof Datuk Dr. Mohd Harun mengulas bahawa ketelusan dan integriti ini dapat dilihat dari aspek akademik dan UMS mempunyai Buku Etika Akademik dan peraturan-peraturan yang lain berkaitan perkara ini. "Kita akan sentiasa menitikberatinya malah jika ada pihak yang tiada ketelusan dalam pentadbiran universiti kita ada platformnya", katanya.

"UMS Link Holding adalah salah satu anak syarikat induk dan di bawahnya terdapat banyak lagi anak-anak syarikat yang lain", ujarnya. Tambahnya

lagi, syarat prosesnya adalah apabila sudah berada di hujung tahun, UMS Link Holding akan mendapat pendapatan dan ini akan disalurkan ke universiti mengikut peratus perjanjian mereka. "Bagi peringkat pelajar pula, saya melihat di peringkat Fakulti dapat diusahakan oleh pelajar-pelajar untuk membuat suatu inisiatif melalui Bisnes ataupun melalui Foundations", tegnya.

9. Apakah pandangan Datuk berkaitan penekanan dengan aspek ketelusan dan integriti dalam soal pentadbiran urus Universiti Malaysia Sabah. Mungkin Datuk boleh beri sedikit pandangan Datuk?

Prof Datuk Dr. Mohd Harun menegaskan, "Kita sudah masuk fasa ke arah berlari dan bukan lagi berjalan dan saya ingin menekankan kepada pengantarabangsaan 2014.

Walaupun sebelum ini kita tidak melihat pada pengantarabangsaan, tetapi intensity untuk pengantarabangsaan 2014 harus dilihat kerana di awal tahun 2014 lagi, sudah terdapat banyak perancangan yang kita buat".

Tambah beliau, contohnya melalui Majlis Bersama Jabatan

(MBJ) terdapat wakil di situ yang akan menjadi perisai mewakili akademik dan dalam pada itu mereka akan menyuarakan sendiri kepada MBJ. "Saya sendiri pengurus dalam MBJ dan juga pegawai-pegawai utama kita, malah wakil perisai akan menyuarakan kepada kita dari semasa ke semasa", ulasnya lebih lanjut.

10. Kita hendak menjadi sebuah universiti yang hebat di negara kita. Apakah langkah-langkah masa depan yang dapat diambil dalam soal pentadbiran urus Universiti Malaysia Sabah. Mungkin Datuk boleh beri sedikit pandangan Datuk?

Prof Datuk Dr. Mohd Harun menegaskan, "Kita sudah masuk fasa ke arah berlari dan bukan lagi berjalan dan saya ingin menekankan kepada pengantarabangsaan 2014. "Ada unsur win-win situation di sini, iaitu Wolverhampton membantu kita bagi mendapatkan pelajar dan menggunakan staff kita untuk mengajar dan bayangkan pada awal tahun 2014 ini, sudah macam-macam kita buat dan selepas ini kita akan berlari dan terus berlari usaha untuk dapatkan lebih ramai pelajar", katanya untuk mengakhiri wawancara pada hari itu.

memberi penganugerahan Ijazah Doktor Kehormat kepada Canselor kita"ujarnya lagi.

Beliau berkata, penganugerahan itu bukan hanya bersifat penganugerahan tetapi sebenarnya di sebalik itu terdapat kerjasama di antara kita dengan Wolverhampton. "Saya baru balik dari London dan membincangkan perkara itu dan mereka akan buka satu kerjasama dengan kita.

Mereka akan dapatkan pelajar daripada seluruh negara dari Jepun, China dan sebagainya dibawa ke kampus kita, run together with our staff and mereka akan bayar kepada kita", katanya.

